


Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Dari Subis ke Bologna: Guru Malaysia Mengubah Dunia

Kuala Lumpur: Literasi Resources, 2018.

ISBN 9789671481127

Buku ini mengandungi tiga bahagian yang menghimpunkan 31 kisah menceritakan pengalaman berharga dan pandangan para penulis yang pernah dan sedang berkhidmat sebagai Guru Perpustakaan dan Media (GPM). Jawatan GPM mula diwujudkan pada tahun 2006. Sebelum ini dikenali sebagai Penyelaras Pusat Sumber Sekolah (PPSS).

Para pembaca akan dibawa mengembara bersama para penulis menelusuri perjalanan kehidupan mereka bagi menepis tanggapan sesetengah pihak bahawa GPM hanyalah sebagai ‘Penjaga Perpustakaan’. Realitinya, sosok tubuh insan-insan yang bergelar GPM ini melaksanakan tanggungjawab yang mulia iaitu pembentukan modal insan yang kini diperlukan dalam mendepani cabaran pendidikan abad ke-21. Pengulas berpendapat buku ini amat baik untuk berkongsi amalan-amalan terbaik tentang pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dari kalangan GPM, Guru Besar, guru mata pelajaran dan Pegawai Teknologi Pendidikan. Buku ini juga merupakan

sebuah dokumentasi terhadap kejayaan yang pernah dicapai oleh para GPM sepanjang perkhidmatan mereka.

Melalui buku ini, para penulis yang boleh dianggap sebagai ‘otai’ dalam bidang pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS) memberi panduan kepada para GPM baharu dalam mendepani cabaran pengurusan maklumat semasa dan akan datang. Himpunan pengalaman GPM ini membuktikan keterlibatan PSS dan GPM telahpun merentasi sempadan dunia.

Bermula dari pekan kecil Subis di Sarawak sehingga ke Bologna di Itali, telah jelas menunjukkan bahawa peranan GPM bukanlah terhad kepada menguruskan buku dan menjayakan aktiviti perbukuan semata-mata, sebaliknya mereka juga bertanggungjawab menggerakkan pelbagai kegiatan yang melibatkan keseluruhan warga sekolah bagi menyemai budaya cintakan ilmu pengetahuan dan memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar.

Menyelongkar kisah demi kisah dalam buku ini, dapat merasakan pengalaman penulis mengharungi pelbagai rintangan dan liku-liku kehidupan yang mencabar dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah disandarkan pada bahu mereka oleh pihak pentadbir sekolah. Permasalahan PSS yang ‘beku dan kaku’, merupakan suatu situasi yang biasa kita lihat di PSS terutamanya di sekolah-sekolah yang terletak di kawasan pinggir bandar.

Para PSS terpaksa menghadapi realiti masalah seperti kedudukan PSS yang tidak strategik, pengawas PSS lebih ramai berbanding pengunjung serta koleksi buku yang tidak terkini menjadi punca utamakekakuan dan kebekuan PSS. Selain itu, sikap segelintir Pengawas PSS yang tidak professional sehingga mencetuskan ‘perang emosi’ sesama PSS juga merupakan cabaran yang perlu ditangani oleh GPM. Salah seorang penulis juga turut menggambarkan PSS ibarat ‘bilik pameran’ tanpa pelanggan dan menjadi medan kepada guru-guru memenuhi waktu ganti (*relief*) lantaran ketiadaan aktiviti promosi dan penggalak amalan membaca di sekolah.

Masyarakat Malaysia belum lagi berjaya untuk dibentuk menjadi masyarakat yang membudayakan amalan membaca walau di mana sahaja kita berada. Saya juga pernah menjadi seorang yang ‘malas’ untuk membaca dan hanya membaca apabila perlu untuk mencari beberapa maklumat yang sangat diperlukan untuk tujuan-tujuan tertentu. Sikap seperti ini juga merupakan satu ‘*mind set*’ atau ‘mentaliti’ yang perlu ditangani oleh para GPM bagi dalam mencapai objektif mereka untuk mengajak warga sekolah terutama murid-murid mencintai ilmu dan memupuk minat membaca dalam diri mereka.


Pengulas mengajak para pembaca untuk menyelami pengalaman berharga dan buah fikiran para GPM yang sangat bernas ini kerana kita juga pernah berada di PSS suatu ketika dahulu sewaktu zaman persekolahan samada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Setelah membaca buku ini, pembaca akan lebih memahami bahawa bukanlah mudah sebenarnya untuk menyediakan sebuah tempat bacaan yang ceria dan kondusif dan menarik minat warga sekolah menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Namun, saya berpendapat bahawa GPM yang hebat telah berjaya membuktikan bahawa mereka mampu untuk melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Sekiranya kita diletakkan di posisi mereka, adakah kita mampu untuk melakukannya? Bacalah buku ini untuk menguji kemampuan masing-masing

Pengulas

Muhammad Bin Abdullah
Penolong Pengarah
Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Mohamed Hanipa Maidin
Yang Arif, Saya Bantah!
Petaling Jaya: Ilhambooks, 2016.
ISBN 9789671390795

Buku ini mengandungi 5 bahagian yang merupakan koleksi beberapa artikel tulisan penulis dari pelbagai sumber seperti akhbar Harakah dan *Harakahdaily* yang merupakan lidah rasmi Parti Islam SeMalaysia (PAS), *Malaysiakini*, *The Malaysian Insider*, *Free Malaysia Today* dan juga artikel-artikel yang dikongsikan dalam beberapa kumpulan whatsapp sekitar tahun 2009 hingga 2015.

Penulis merupakan seorang peguam. Beliau juga merupakan peguam dan Penasihat Undang-Undang Parti Islam SeMalaysia (PAS) sebelum meninggalkan parti berkenaan dan menyertai Parti Amanah Negara (PAN). Beliau merupakan Ahli Parlimen Sepang dari tahun 2013 mewakili parti PAS dan pada Pilihanraya Umum ke 14 pada tahun 2018, beliau sekali lagi dipilih sebagai Ahli Parlimen tersebut mewakili Pakatan Harapan.

Melalui buku ini penulis memberikan pandangan berhubung politik dan undang-undang dari perspektif yang berbeza dengan media arus perdana yang dikuasai Kerajaan ketika itu. Beliau memberikan pendapat yang kritis berdasarkan pengalaman beliau sendiri mewakili anak guaman di mahkamah serta melalui pandangan dan pemahaman orang lain.

Menariknya tentang buku ini adalah penceritaan dan perkongsian maklumat berhubung politik dan undang-undang dari perspektif seorang pemimpin parti pembangkang (ketika itu) terhadap dasar dan hala tuju Kerajaan. Beliau mengupas dari segi pandangan pengamal undang-undang yang mungkin kurang difahami oleh orang kebanyakan. Pembaca juga akan menemui beberapa istilah undang-undang yang jarang ditemui seperti *amicable settlement* (penyelesaian kes mahkamah secara baik), *bona fide* (niat baik), *ultra vires*, *prima facie* dan banyak lagi. Sebagai peguam Muslim, beliau juga menghuraikan pandangan perundangan dari aspek perundangan Islam.

Menerusi Bab 1, beliau menghuraikan tentang beberapa kes politik dan sosial di Malaysia. Satu kes yang amat menarik perhatian adalah berhubung kes seorang Imam yang mencampakkan kasut beliau ke arah hakim semasa perbicaraan di mahkamah. Imam tersebut dijatuhi hukuman penjara setahun kerana menghina mahkamah. Namun disebalik tindakan imam tersebut, perlu diselidiki apakah punca kejadian tersebut berlaku. Ini kerana rakyat sudah mula hilang kepercayaan terhadap sistem kehakiman negara yang dilihat tunduk terhadap tekanan pemerintah.

Melalui Bab 2 pula, penulis menceritakan khusus berhubung pergeseran politik antara PAS dengan Pakatan Rakyat (PR). Ini adalah berdasarkan pengalaman penulis sendiri yang merupakan aktivis PAS ketika itu sehinggalah membawa kepada dimensi perbezaan pandangan yang amat ketara pemimpin PAS terhadap parti-parti politik lain di dalam PR.

Di dalam Bab 3, penulis memfokuskan tentang pandangan beliau terhadap parti UMNO. Dari isu rampasan kitab Bible oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sehingga kepada isu *Trans Pacific Partnership Agreement* (TPPA), dakwaan konsprasi UMNO mendalangi Tragedi Lahad Datu dan penggunaan nama Islam di sebalik kemungkaran bagi menghalalkan Festival Busana Islam di Monte Carlo.

Bab 4 pula memfokuskan tentang polemik hudud dan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam. Penulis mempertikaikan keikhlasan UMNO dalam memperjuangkan hudud di Malaysia yang dilihat tidak jujur dan lebih bersandiwara. Dalam isu penggunaan kalimah Allah oleh akhbar *Herald* milik gereja Roman Katolik, penulis membezakan pendekatan yang digunakan oleh PAS dan UMNO. Bab 5 pula khusus untuk penulis merakamkan penghargaan dan penghormatan beliau terhadap dua (2) orang pemimpin PAS yang telah pergi iaitu Ustaz Hasan Syukri dan Almarhum Ustaz Fadzil Noor, mantan Presiden PAS yang bagi beliau merupakan pemimpin yang sukar dicari ganti.

Jika anda ingin mendapatkan bahan bacaan politik dan undang-undang tanah air yang berbeza dari perspektif oleh media Kerajaan (ketika itu), bacalah buku ini. Anda bukan sahaja akan menambah pengetahuan tentang politik dan sosial, anda juga akan menambah perbendaharaan kata dan ilmu perundangan.

Pengulas:

Mohamad Rizal Bin Abdullah
Timbalan Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber
Manusia
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



KHAIRUL ABDULLAH.
Mentaliti Masih Jamban
Batu Caves, Selangor: Komrad Buku, 2018.
ISBN 9789672062226

Mentaliti Masih Jamban merupakan karya Khairul Abdullah yang merupakan kesinambungan kepada karya Mentaliti Jamban. Sebagaimana hangatnya buku Mentaliti Jamban yang menegur mentaliti rakyat Malaysia, karya ini juga ditulis bagi menegur mentaliti rakyat Malaysia secara terang-terangan tetapi dengan penuh hemah. Jika sebelum ini, penulis membandingkan mentaliti rakyat Malaysia dengan rakyat di negara Eropah, pada penulisan ini, penulis turut membandingkan rakyat Malaysia dengan penduduk di Jepun, New Zealand, Thailand disamping negara-negara Eropah seperti Switzerland, Jerman, Sweden, Finland.

Pelbagai isu yang acapkali dilihat remeh telah dikupas oleh penulis dalam buku ini. Sebagai contoh, dalam mendidik anak-anak ibu bapa sering menggunakan alasan '*dia budak lagi*' untuk membenarkan tingkah laku anak-anak mereka yang secara jelas menganggu ketenteraman orang lain. Realitinya, penulis menyentuh bagaimana di kedai makan, anak-anak berkejar-kejaran, menumpahkan sisa makanan di meja makan dan bawah meja makan, bagaimana sikap si kecil ketika di hospital yang menangis membuat bising dan

menganggu pengguna lain. Kesemua contoh ini adalah sesuatu yang kita biasa lihat memandangkan mentaliti kebanyakkan rakyat Malaysia membenarkan kelakuan ini kerana ‘mereka budak lagi’.

Secara dasarnya, buku yang mengandungi 41 bab ini menceritakan beberapa kejadian yang berlaku di Malaysia dan mengupas setiap isu dengan sinis dan telus. Sebagai contoh, penulis menyentuh di dalam beberapa bab bagaimana sikap rakyat Malaysia di restoran terutama di restoran makanan segera. Kebanyakan kita membiarkan sahaja makanan di atas meja tanpa mengemasnya. Bukan itu sahaja, mentaliti rakyat Malaysia yang sering berkata, ‘*Jika aku buat, pekerjanya tiada kerja. Lagipun, aku bayar.*’ Sikap ini memburukkan imej dan mentaliti yang sangat rendah di negara ini dibandingkan dengan budaya masyarakat di negara sebelah sana.

Ironinya, terdapat notis yang jelas memaparkan beberapa tempat di Malaysia, seperti di IKEA dengan jelas telah memaparkan maklumat tentang pengunjung harus mengemas meja dan tidak menyepahkan kawasan tempat makan, tetapi sikap dan mentaliti masyarakat Malaysia menidakkan arahan yang diberi. Bukan itu sahaja, penulis turut menegur sikap masyarakat Malaysia yang tidak bertimbang rasa dan mementingkan diri sendiri apabila mereka di gerai makan. Misalnya, ada orang pengunjung yang memerlukan tempat duduk, kebiasaan kita akan membiarkan sahaja dan teruskan berborak walaupun telah selesai makan kerana sikap mementingkan diri terhadap orang lain.

Bukan itu sahaja, sikap tidak bertimbang rasa juga dapat dilihat apabila sepasang suami isteri berserta anak mereka membonceng motosikal. Kebiasaan kita akan dapat melihat si suami memakai sepersalinan peralatan keselamatan seperti helmet berjenama, sarung tangan, dan jaket keselamatan semasa membonceng motosikal manakala isterinya hanya dipakaikan helmet murah yang kurang selamat untuk digunakan. Malah, jika pasangan tersebut membawa anak, kita akan dapat melihat anak-anak tersebut tidak dipakaikan helmet langsung. Persoalannya mengapa hanya ayah sahaja yang dilindungi keselamatannya sedangkan keselamatan anak dan isteri diabaikan.

Penulis turut menegur masyarakat Malaysia yang tidak menjaga hubungan baik sesama manusia dalam kesibukan mengejar hal dunia dan akhirat. Misalnya, acapkali berlaku di

surau dan masjid apabila ada antara kita yang mementingkan diri sendiri dengan meletakkan ‘*double park*’ hanya kerana tidak ingin berjalan jauh. Begitu juga dengan pemilik motorsikal yang tidak meletakkan motorsikal ditempat yang disediakan dan sering berlaku penunggang motorsikal tidak memakai helmet yang sekaligus mengundang bahaya kepada diri sendiri dan juga pengguna jalan raya yang lain.


Di akhir buku, penulis ada menitipkan pesanan kepada rakyat Malaysia untuk berhenti mengambil hak orang dan berhenti daripada menjadikan hak awam sebagai hak persendirian. Perlakuan buruk yang dianggap biasa seperti ‘*double park*’, tidak memberi signal, mengotorkan meja-meja di kedai makan, meletakkan motosikal di laluan pejalan kaki dan bising semasa berada di hospital perlu diubah demi keharmonian bersama. Rakyat Malaysia seharusnya membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa. Jika tidak, sampai bila-bila kita berada di tahap jamban walaupun negara sudah maju!

Pengulas:

Fatin Hazwani Bt Zaini

Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia.

ULASAN BUKU



AHMAD AFFZAN ABDULLAH
Kalau-Lah

Batu Caves, Selangor: Komrad Buku, 2018.
ISBN 9789672062202

Tersentuh hati. Tersentuh nurani. Itulah yang pengulas rasakan sewaktu membongkar helaian demi helaian naskah ini. Buku bacaan santai yang dipasangkan dengan 58 nota-nota hati yang bakal memberi impak keinsafan dan kesedaran ke dalam diri pembaca.

Selain daripada menulis, penulis juga merupakan artis kaligrafi sepenuh masa yang berjaya. Beliau bukan sahaja telah menghasilkan sebuah buku yang berkualiti tinggi malahan karyanya mampu membantu pembaca untuk mengubah diri menjadi yang lebih baik. Sungguh, menerima kegagalan dan bangkit semula dengan sebuah kekuatan itu bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, Allah tidak pernah membiarkan hambaNya berseorangan.

Penulis membawa kita menelusuri liku-liku kehidupan yang pernah dilaluinya selama 9 tahun dan bagaimana cara beliau mengatasinya untuk terus bangkit dengan semangat

yang baru. Kehidupannya yang penuh dengan kejayaan sejak muda membuatkannya jatuh terduduk tatkala diuji dengan sebuah kegagalan. Sejak dari zaman sekolah, penulis merupakan seorang pelajar yang cemerlang dan sentiasa berada di tempat yang teratas. Kejayaan demi kejayaan telah mewarnai kehidupannya termasuklah dalam pekerjaan dan juga perkahwinan. Namun, ternyata perancangan Allah S.W.T itu lebih baik. Beliau diuji dengan kegagalan tatkala beliau gagal untuk menggapai PhD. Jatuh terduduk. Tersungkur. Itulah yang beliau rasakan.

Oleh kerana kejatuhan yang beliau alami, kehidupan beliau menjadi tidak tentu arah kerana asyik memikirkan kenapa sesuatu itu berlaku dan selalu berfikir jika dia mengambil jalan lain, pasti takdir akan menjadi lain. Sesungguhnya Nabi sendiri telah melarang kita daripada ‘berkalau-kalau’. Menjalani kehidupan yang penuh dengan penyesalan adalah sesuatu yang amat menyakitkan.

Momen yang paling istimewa antara manusia dan Allah S.W.T. ialah tatkala kita bangun di sepertiga malam yang akhir, tадah tangan dan berdoa memohon petunjuk Allah. Tapi kenapa hidup masih sempit? Istighfar. Itulah yang beliau lakukan tatkala kehidupan masih terasa sempit walaupun telah melakukan pelbagai amalan lain.

Buku ini mengajar kita untuk tidak mempedulikan tohmahan manusia terhadap kita dalam proses kita membina kehidupan yang baru. Ini adalah kerana, tekanan akibat tohmahan manusia hanya akan memberi impak yang buruk terhadap mental dan fizikal kita. Mengangguk adalah cara penulis membiarkan tohmahan orang singgah ke halwa telinganya namun hatinya menolak 100% apa yang yang dilemparkan kepadanya. Beliau mengunci bicara dan memekakkan telinga.

Menariknya buku ini adalah kerana ia menyentuh ke lubuk hati yang paling dalam. Benar, manusia berubah. Dari jahil kepada alim. Dari tidak tahu kepada tahu. Kadangkala dengan kefahaman yang diberikan kepada kita itu membuatkan kita lalai dan takbur. Kita mula memandang rendah kepada orang lain sedangkan syurga neraka itu milik Allah. Hanya Dia Yang Maha Mengetahui segalanya. Kita manusia, tidak layak untuk menghukum. Itu kerja Tuhan. Sebagai seorang manusia, laksanakanlah kerja-kerja manusia.

Menyusuri buku ini dengan pandangan mata hati, membuatkan saya sedar bahwasanya niat yang ikhlas, usaha yang gigih mengikut landasan Islam, tidak putus-putus berdoa, sentiasa bersyukur, bertawakkal dan redha dengan takdir Allah merupakan kunci kepada kejayaan seseorang. Dalam menjalani sebuah kegagalan dan kejatuhan, kita akan menjumpai 3 golongan iaitu penyokong dan pembantu, *haters* dan orang-orang munafik. Perhatikanlah dengan mata hati.

Sesungguhnya, manusia yang paling dikasihi Allah sentiasa diuji, apakah lagi kita yang banyak dosa dan kesilapan. Mungkin ujian-ujian yang kita lalui ini akan mengangkat darjah kita di akhirat kelak atau mungkin ia menjadi asbab terhapusnya dosa-dosa kita.

Buku ini juga mengajar kita akan syarat-syarat kesempurnaan iman iaitu berasa gembira dengan kejayaan yang diperolehi oleh orang lain. Namun jika tatkala melihat kejayaan orang menjadikan kita tidak puas hati, marah, dengki dan sebagainya maka fahamilah bahwasanya kita bukan sekadar mengalami masalah hati, malahan ia telah berkait dengan iman. Cepat-cepatlah sedar diri dan kembali ke landasan yang benar.

Saya merasa amat tersentuh dengan kandungan buku ini. Ia membuatkan kita tersedar bahwasanya kita ini hanya khalifah Allah yang dipinjamkan sementara di bumiNya. Maka hendaklah kita selalu bermuhasabah untuk memperbaiki diri menjadi manusia yang lebih baik. Setiap manusia akan diuji. Itu satu kepastikan. Jadilah hamba yang sentiasa bersangka baik kepada Allah setiap kali diuji dengan apa jua ujian. Biarpun anda jatuh, rebah menunduk ke bumi sekalipun, yakinlah bahawa Allah tidak pernah meninggalkan anda sendirian. Sesungguhnya Allah itu ada, dan sentiasa mengirimkan manusia-manusia yang baik untuk anda. Yakinlah!

Pengulas:


Jasreena Binti Jamil

Penolong Pengarah

Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



KAIZAN NAZLAN

Travelog Usahawan Muda

Alor Star: Pena Padi Resources PLT, 2018.

ISBN 9789671589908

Buku ini mempunyai 61 bab yang menceritakan pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh penulis sebagai usahawan pada usia yang muda. Penulis adalah seorang Ketua Eksekutif Pena Padi Resources, syarikat penerbitan dan latihan yang banyak menerbitkan buku – buku berkaitan motivasi keusahawanan.

Penulis berkongsi pengalaman pahit getir untuk menjadi usahawan yang berjaya bermula dari kosong sehingga mempunyai syarikat penerbitan sendiri. Kebanyakan usahawan yang berjaya, mereka mempunyai rekod yang cemerlang dari sekolah sehingga di universiti. Berlainan dengan penulis yang selalu duduk di kelas belakang semasa sekolah dan selalu mendapat tempat yang tercorot dalam kelas. Penulis muhu membuktikan bahawa kegagalan tidak semestinya berakhir dengan kegagalan jua. Usaha dan kerja keras mampu memberi sinar kejayaan.

Skop yang ingin diketengahkan oleh penulis adalah lebih kepada motivasi untuk berjaya dalam keusahawanan dalam bentuk santai dan mudah difahami. Untuk menjadi usahawan yang berjaya pelbagai cabaran perlu dihadapi contohnya untung rugi dalam jualan.

Usahawan perlu sabar dan istiqamah dalam menempuh pelbagai dugaan dan masalah dalam perniagaan dengan penuh yakin bahawa setiap masalah ada jalan penyelesaiannya. Pembaca boleh mencontohi penulis yang gigih dan tidak pernah mengenal erti gagal serta banyak mencuba pelbagai jenis perniagaan. Pengalaman itu menjadikan penulis belajar dari kesilapan dan menjadi lebih baik. Salah satu petua yang dikongsi oleh penulis, untuk berjaya berkawanlah dengan orang yang berjaya dan ikhlas membantu semasa menjalankan perniagaan.

Apa yang menarik mengenai buku ini, penulis turut berkongsi tentang kaedah untuk menjadi usahawan bagi mereka yang ingin memulakan dan juga memulihkan perniagaan mereka. Usahawan muda diingatkan supaya tidak gelap mata apabila mulai berjaya, mereka menghabiskan wang keuntungan perniagaan untuk bermewah. Di samping itu, sikap merendah diri untuk belajar dari bawah amat perlu pada setiap usahawan. Penulis turut berkongsi kunci-kunci magnet rezeki yang patut diamalkan oleh semua usahawan.

Pengulas berpendapat buku ini amat sesuai untuk bacaan umum terutamanya golongan muda yang ingin berkecimpung dalam perniagaan. Kandungan buku ini lebih kepada santai dan mudah untuk difahami. Buku ini boleh membantu generasi muda untuk berfikir lebih kreatif dan inovatif dalam mengembangkan perniagaan mereka. Sebagai anak muda, kita haruslah bertindak dengan lebih kreatif dan inovatif bagi memajukan Negara kita yang tercinta.

Pengulas:

Nur Fatin Shahirah Binti Tajuddin
Penolong Pengarah
Bahagian Pembinaan Koleksi
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



DR. HANA HADZRAMI, DR. ADIBAH ABDULLAH &
DR. KHAIRIL IDHAM ISMAIL.
Bila Jantung Kata Beep Beep
Kuala Terengganu, Terengganu: Kata Pilar Books,
2017.
ISBN 9789672014119

Bila Jantung Kata Beep Beep, merupakan catatan 3 Doktor Bius yang berkongsi sebahagian dari kisah serta pengalaman sendiri dan ada juga dari biasan kisah rakan-rakan doktor yang lain. Melalui penulisan di dalam buku ini, dapat kita ketahui realiti yang dihadapi mereka yang bergelar doktor bius.

Doktor bius secara umumnya tidak dipandang sebagai suatu kerjaya yang mencabar di dalam mentaliti masyarakat. Walhal doktor bius inilah yang sentiasa berada bersama pesakit sebelum, semasa dan selepas sesuatu prosedur pembedahan dijalankan. Mereka yang berada bersama saat pesakit mula menutup mata dan membukanya semula. Semasa melalui fasa di mana minda berada dalam keadaan separa sedar ataupun tidak sedar secara keseluruhannya dan mereka jugalah yang bertanggjawab memastikan pesakit kembali ke alam nyata. Tetapi sayangnya, wira-wira yang bermatian berjuang ini kerap dipandang sepi, hero yang tidak didendang disebalik tabir biru.

Penulis pertama iaitu Dr. Hana Hadzrami, melalui catatan beliau cuba memberi kesedaran kepada kita betapa pentingnya kita sebagai manusia menghargai serta mensyukuri setiap nikmat yang diberikan Tuhan kepada kita tanpa apa-apa bayaran. Kita yang mengawal tubuh badan kita dan seharusnya kita berusaha menjauhkannya dari benda yang memudaratkan. Sedikit sindiran juga diselitkan penulis di mana dalam keadaan sekarang, kita sedia maklum pengeluaran mitos melampau melebihi fakta yang sepatutnya. Seharusnya kita sama-sama mengambil pendekatan mencari kebenaran dari sama-sama menerima bulat-bulat sesuatu keadaan.

Penulis juga turut berkongsi situasi apabila seseorang pesakit berdepan dengan keadaan di antara hidup dan matinya seseorang pesakit yang sedang bertarung nyawa tetapi kita yang Tuhan kurniakan nikmat sihat, sempurna serta bahagia ini kerap kali merungut dengan kondisi tubuh kita. Gemuklah, kurus sangatlah, gelap, berjerawat dan macam-macam lagi nikmat Tuhan yang tanpa sedar kita dustakan. Lupakah kita setiap sekali kesedihan, Tuhan akan gantikan dengan lebih lagi kebaikan?

Seterusnya perkongsian oleh Dr Adibah Abdullah pula, memberi peluang pembaca memahami betapa pentingnya tugas sebagai seorang doktor bius. Tugas doktor bius tanpa kita sedar bukan sekadar hanya memasangkan topeng oksigen ke muka dan memastikan pesakit di dalam keadaan separa sedar mahu pun tidur sepanjang pembedahan dilakukan tetapi meraka yang akan memastikan keadaan pesakit benar-benar bersedia sebelum pembedahan dijalankan.

Nampakkan? Kita hanya berpegang kepada bius hanyalah sekadar satu prosedur mudah sedangkan proses pembiusan itu sendiri boleh dilakukan dalam dua teknik yang berbeza dan menggunakan hampir lima kaerah yang berlainan mengikut keperluan pesakit dan pembedahan, dan ini selayaknya ditentukan oleh doktor bius itu sendiri.

Rupanya selama ini kita memandang enteng tugas doktor bius sedangkan tanpa kita sedari mereka ini mempunyai tanggungjawab paling utama dalam menjaga kebijakan serta kesejahteraan pesakit. Beruntunglah kita yang memperoleh pandangan dari mereka yang profesional ini dalam membantu kita membuat keputusan yang penting berkaitan

nyawa dan kesihatan manusia.

Dr Khairil Idham Ismail pula, lebih bersifat santai dan banyak menerapkan setiap pengalaman yang dihadapi beliau dengan kehidupannya. Menyingkap kembali serta menyelitkan surat kiriman ayahanda beliau menunjukkan bahawa setiap daripada doktor bius ini sentiasa berusaha memberikan yang terbaik dalam setiap tugasannya. Dengan bayangan jika mereka yang berada ditempat ahli keluarga pesakit, pastinya hanya keharmonian serta khabar gembira sahaja yang ditunggu saat itu.

Kerapkali doktor dianggap seolahnya seperti tuhan apabila hampir setiap kali sebelum bermulanya pembedahan, ahli keluarga mahupun pesakit sendiri akan memohon supaya doktor melakukan keajaiban.

Kita harus sedar doktor sebagai perantara sahaja, seharusnya kita sama-sama berdoa dan bertawakal kerana doktor pastinya telah mencuba sedaya upaya mereka. Jangan juga kita lupa, seberapa banyak ubat dan usaha para doktor, jawapan akhir tetap di tangan yang Maha Esa

Ambillah peluang untuk menelusuri setiap bait dalam buku ini untuk dijadikan sebagai peluang untuk kita sentiasa muhasabah diri dan bersyukur dengan kehidupan kita hari ini. Lunturkan stigma masyarakat terhadap mudahnya menjadi *Anestesia*, serta di setiap kerjaya yang lain juga. Percayalah tiada sesuatu pun yang kita lakukan itu sia-sia.

Pengulas:

Fatin Eleena Ab Rahim
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ZANUDDIN SALLEH
Dari Makkah ke Penjara Kajang
Sebuah Catatan Pengalaman
Kajang, Selangor: Khutubkata Resources, 2017.
ISBN 978-967-15382-2-

Secara umumnya penjara adalah satu tempat yang dikaitkan dengan penjenayah. Dengan tertangkapnya si pelaku oleh pihak berkuasa, maka di dalam penjaralah tempatnya. Apa jua kesalahan yang dilakukan, apabila terbukti bersalah oleh mahkamah, maka si pelaku akan meringkuk di dalam penjara mengikut tempoh masa hukuman yang telah dijatuhkan oleh pihak berkuasa.

Melalui buku ini, pembaca dapat menyelami dan memahami kedalam kehidupan sehari-hari para banduan di penjara. Pengalaman yang dilalui oleh penulis selama 28 hari di Penjara Kajang dibukukan, diceritakan sendiri oleh beliau dengan susunan, aturan, kronologi dan jalan cerita yang mudah untuk dibaca dan difahami. Sememangnya menerima hukuman itu terlalu berat untuk dipikul, tetapi penulis berjaya menempuh dugaan hidup yang diterima sejurus selesai menunaikan Rukun Islam yang kelima.

Penulis merungkai semula kisah peribadi yang pernah dilalui daripada pertuduhan dan tohmahan yang dilemparkan sehingga kepada situasi pertuduhan di mahkamah di mana

beliau dihukum penjara selama 28 hari. Penulis berkongsi pengalaman menjadi banduan, kisah-kisah rakan banduan lain yang dikongsi bersama sepanjang mendiami sel penjara dan perkara-perkara yang boleh dikatakan “*tidak terfikir dek aka*” yang benar-benar berlaku di dalam sel penjara.

Apabila bab demi bab buku ini diselak, dibaca dan difahami, banyak cerita menarik yang penulis kongsikan bersama para pembaca. Pelbagai kisah tauladan dipaparkan di setiap bab pada buku ini. Pengalaman berbicara dan berbual bersama bekas kakitangan tinggi kerajaan, perogol, pengedar dan penagih dadah dan pelaku pecah amanah benar-benar menguji kesabaran dan meningkatkan keinsafan kepada penulis yang menerima hukuman atas kesalahan kecil yang dilakukannya sebelum ini.

Nasihat penulis yang perlu diambil serius adalah apabila menggalas tanggungjawab sebagai pegawai tinggi kerajaan, seharusnya individu terbabit mengelakkan diri daripada aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan syak wasangka. Gambaran sel penjara, menu hidangan makanan dan aktiviti sehari-hari penulis juga dikongsi bersama untuk para pembaca menghayati dan seterusnya diambil sebagai satu pengajaran yang berguna untuk menghadapi masa-masa akan datang. Ada juga bekas banduan yang memilih untuk mengulangi atau melakukan jenayah ringan agar mereka disumbat semula ke dalam penjara; dengan alasan boleh mengelakkan diri daripada diburu *Ah Long* (pengutip hutang) dan yang paling mencuit hati adalah tidak perlu risau tentang makan minum kerana di dalam penjara mereka boleh menikmati hidangan makanan harian yang diberikan secara *on-time*!

Apa yang menariknya tentang buku ini juga adalah bagaimana penulis menggunakan ayat mudah, tidak kompleks dan mudah difahami bagi menyampaikan kisah beliau seolah-olahnya penulis sendiri yang berhadapan dengan para pembaca. Ianya juga seolah-olah pembaca sendiri yang mengalami peristiwa terbabit.

Akhir sekali, apabila dihayati dengan mendalam, apa jua persepsi, gambaran dan tanggapan kita terhadap banduan dan kehidupan di penjara – tidak semuanya seperti yang digambarkan selama ini. Penulis sendiri telah membuktikannya melalui perkongsian kisah sebagai banduan yang telah melihat, merasai, mengalami dan menempuhinya

sendiri. Salah satu ungkapan yang menarik daripada penulis yang boleh dikongsi di sini adalah “...*bukan semua banduan itu adalah penjenayah, tetapi oleh kerana kita hidup dengan tuntutan undang-undang dan peraturan, ada kalanya kita terlupa apa yang kita lakukan itu adalah menjadi satu kesalahan yang pada kebiasaannya adalah perkara lumrah dalam kehidupan manusia...*”. Hayati setiap bait kata yang dilontarkan oleh penulis itu. Tidak rugi untuk membaca buku ini. Percayalah!

Pengulas:

Azizan Bin Wahab

Penolong Pengarah

Pusat Bibliografi Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ROZA ROSLAN
Biar Berbekas

Batu Caves, Selangor: Must Read Sdn. Bhd, 2018.
ISBN 9789672038610

Buku ini mengandungi 56 bab yang menceritakan tentang sisi kehidupan penulis semenjak kecil hingga dewasa. Pengalaman kehidupan penulis sendiri mendorong beliau untuk berkongsi kisah sendiri agar pembaca boleh berfikir dan mengambil iktibar tentang kisah yang berlaku.

Nama penulis ialah Roza Roslan atau nama sebenar beliau Raudzah Roslan adalah mantan pensyarah di Universiti Teknologi MARA dan Universiti Taibah, Madinah. Beliau dilahirkan pada 2 Januari 1967 di Jementah, Segamat, Johor. Beliau menyambung pengajian Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana di Universiti Teknologi MARA. Beliau juga adalah isteri kepada penulis *bestseller* Prof. Dr. Muhd Kamil Ibrahim yang menulis buku Travelog Haji. Kisah beliau banyak termuat dalam karya suaminya yang banyak menceritakan pengorbanan dan sokongan beliau dalam menjalani hidup beragama.

Melalui buku ini penulis menekankan bahawa setiap yang berlaku dalam kehidupan ini

telah ditakdirkan Allah ada hikmahnya dan kita sebagai hambanya perlu menerima dan mencuba jadi yang terbaik sebagai hambanya. Hasil tulisan yang ditulis dengan cermat tentang kehidupan ini mengisahkan pengalaman penulis bersama pelbagai persekitaran yang menarik dan memberikan inspirasi kepada setiap pembaca buku ini. Cerita sebegini perlu dibaca oleh semua golongan masyarakat. Buku yang berwarna-warni seolah-olah buku lukisan yang tidak menjemukan.

Menariknya tentang buku ini adalah penceritaan tentang kekayaan, kecantikan, kejayaan, pangkat sebenarnya merupakan ujian kepada kita. Orang selalu melihat ujian hanyalah yang berbentuk musibah, kecelakaan, kesakitan dan kedukaan sedangkan ujian Allah kepada kita datang dalam pelbagai bentuk. Dikurniakan anak-anak yang pandai dan berjaya dalam pelajaran juga akan menjadi ujian kepada kita. Lalu, kita memandang rendah kepada anak-anak orang lain, wujud sifat angkuh, sompong, ujub dalam diri. Semoga buku ini mendidik hati dan jiwa kita agar lebih bersyukur dan berlapang dada. Moga kita dapat menerima hidup ini seadanya.

Sebuah buku yang penuh pengisian, yang digerakkan hati oleh Allah untuk dibaca di saat diri sedang mencari erti sesuatu. Setiap helaian menggetarkan jiwa, setiap bait perkataan terkesan di hati. Penulis melihat sesuatu yang berlaku ke atas diri dan keluarga dari sudut dan perspektif yang berbeza dari kebanyakkan kita. Ia mengajar kita akan sesuatu yang kita sudah sedia maklum tetapi jarang dipraktikkan iaitu sentiasa bersangka baik kepada Allah. Setiap apa yang kita lalui sama ada baik atau buruk adalah ujian daripada Allah untuk menguji hati dan keimanan kita. Kupasan pada setiap bahagian kehidupan sama ada susah atau senang sama ada diduga dengan kebaikan atau kesakitan, di sinilah kupasan yang sangat cantik peringatan buat kita semua.

Pembacaan buku ini mudah dan menyentuh hati. Cara penyampaian yang mudah dan terus ke hati. Saat kita diuji sering kali merasakan Allah itu tidak adil. Namun buku ini membuka mata untuk melihat konteks ujian dari Allah adalah lebih dari sekadar menguji. Ia adalah anugerah nikmat dari Allah dalam cara yang berbeza. Kini saya cuba lihat dunia bukan sekadar daripada pandangan mata kasar tetapi juga melihat dengan mata hati.

Buku yang sangat bagus untuk memandu diri kita kembali mengingati Pencipta. Pengalaman-pengalaman hidup yang dikongsikan walaupun nampak seperti satu kelemahan namun penulis berani mengakuinya untuk menjadikannya sebagai satu titik permulaan untuk memulakan penghijrahan dan sudi berkongsi dengan pembaca. Beruntunglah bagi mereka yang diberi kekuatan berdakwah kepada orang lain. Sebagai pembaca saya amat tertarik terhadap usaha dakwah oleh penulis. Buku ini memudahkan saya memahami ujian Allah dan belajar meredhai segala kurniaaNya.

Pengulas:**Nosheena Hasmudin**

Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan Desa
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MUHAMMAD HAKIMI TEW ABDULLAH & S.
SALAHUDIN HJ SUYURNO
Dunia Blog Malaysia; Akauntabiliti & Kredibiliti
KUALA LUMPUR: PENERBIT UITM, 2018.
ISBN 9789673635238

Kandungan buku ini membincangkan tentang blog yang merupakan antara platform utama dalam penyebaran maklumat masa kini dan ia memfokuskan pada blog dalam arena politik Malaysia. Perkembangan pesat teknologi maklumat telah membolehkan para pemblog menyebarkan maklumat dengan senang kepada masyarakat. Namun begitu, ada sesetengah maklumat disebarluaskan tanpa dipastikan kesahihannya terlebih dahulu. Buku ini meneroka sifat akauntabiliti pemblog dan budaya demokrasi di Malaysia. Buku ini mengandungi sembilan (9) bab termasuk penutup yang menumpukan tentang isu akauntabiliti pemblog, etika penulisan serta kredibiliti kandungan blog di Malaysia.

Penulis menggunakan teknik temubual bersama beberapa para pemblog terpilih bagi mengumpulkan maklumat secara mendalam untuk penghasilan buku ini. Buku ini ditulis dengan gaya bahasa yang mudah difahami dan sangat sesuai dijadikan bahan bacaan

umum untuk semua lapisan masyarakat memahami dengan lebih lanjut berkenaan pemblog politik Malaysia.

Salah satu aspek yang dibincangkan oleh penulis dalam buku ini ialah akauntabiliti. Akauntabiliti bermaksud sikap bertanggungjawab pemblog terhadap artikel yang ditulis, sama ada ianya memberi kesan negatif maupun positif. Menurut penulis, pemblog seharusnya berfikir dahulu kesannya sebelum menulis rencana. Akauntabiliti pemblog boleh dinilai berdasarkan sifat bertanggungjawabnya dengan menggunakan nama sendiri dalam penulisan. Pendedahan identiti sebenar pemblog secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kredibiliti blog tersebut berbanding pemblog yang menggunakan identiti palsu.

Menarik tentang buku ini adalah pendedahan beberapa isu akauntabiliti pemblog yang berlaku di Malaysia. Pelbagai kes dan kontroversi berlaku akibat kesalahan informasi dan artikel berbaur hasutan yang dilakukan oleh penulis blog. Pada tahun 2007, New Straits Times Press (NSTP) telah memfailkan saman fitnah ke atas Jeff Ooi melalui blog Screenshots dan Rocky Bru yang dimiliki oleh Atan. Selain itu, pemblog terkenal, Raja Petra Kamaruddin juga tidak terlepas dengan saman fitnah kerana kesalahan informasi dalam paparan artikel blognya. Penulis bijak mengutarakan contoh-contoh sebegini kepada pembaca untuk menekankan betapa pentingnya isu akauntabiliti yang dibawa beliau dalam buku ini. Ianya bukan isu yang remeh, terutamanya apabila melibatkan kestabilan negara kita yang tercinta.

Jadi, pemblog hendaklah mengemaskini artikel mereka dengan maklumat terkini jika terdapat perubahan fakta agar ianya boleh digunakan dan dipercayai selagi ia dikemaskini. Sesuatu isu yang viral pada suatu masa akan sangat dicari-cari oleh pembaca yang mempunyai perasaan ingin tahu. Namun begitu, pemblog seharusnya berhati-hati dalam melontarkan dalam menyebarkan maklumat dan pandangan sendiri. Khabar angin tidak boleh diketepikan tetapi pemblog hendaklah membetulkan maklumat atau mengambil pendekatan meminta maaf jika maklumat yang disampaikan tidak sah atau salah.

Penulis mengingatkan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi yang

mengamalkan prinsip kebebasan bersuara. Kewujudan blog-blog ini adalah salah satu cara untuk masyarakat meluahkan pendapat serta ketidakpuasan terhadap sesuatu isu. Sekiranya pemblog menyebarkan maklumat dengan tujuan provokasi, ia boleh menimbulkan fitnah dan kesan tidak sihat dalam Negara kita. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara dikawal dengan pelaksanaan akta dan undang-undang. Antaranya Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Akta Fitnah 1957, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Satu lagi aspek yang dibahaskan penulis dalam buku ini ialah tentang kredibiliti pemblog. Kredibiliti merujuk kepada kebolehpercayaan sesuatu sumber dalam menyampaikan maklumat. Keperibadian dan watak pemblog adalah penting untuk mengekalkan identiti sesebuah blog. Pengalaman pemblog yang luas dalam bidang penulisan dan sifat akauntabiliti yang tinggi mampu meningkatkan kredibiliti pemblog dalam persepsi pembaca. Pembaca akan lebih mempercayai maklumat dalam blog yang ditulis oleh pemblog berkredibiliti tinggi berbanding penulis blog picisan. Oleh itu, pemblog yang berintegriti tidak akan menyalahgunapakai kredibiliti mereka untuk tujuan yang salah dalam menyebarkan maklumat kepada pembaca mereka.

Secara umumnya, buku ini dapat membantu pemblog sebagai panduan penulisan dan sistem perundangan memandangkan mereka bukan seperti wartawan yang terikat dengan kod etika kewartawanan. Sebagai pengguna blog, mereka hendaklah lebih peka dan selektif dalam memilih bahan bacaan berkualiti bagi mengelak kepalsuan maklumat. Kupasan isu dan kontroversi blog yang berkait rapat dengan penyalahgunaan blog serta penyebaran maklumat palsu dapat membuka mata pembaca terutamanya rakyat marhaen yang cakna politik tentang etika penulisan. Sesungguhnya penulis dan pembaca blog diingatkan agar tidak mudah terpedaya dengan khabar angin serta anasir kuning yang menjelaskan kesejahteraan masyarakat di Malaysia.


Pengulas:

Syazwani Binti Abdullah

Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Tanah Airku Di Bumi Ratu
Kuala Terengganu: Penerbitan KataPilar, 2016.
ISBN 9789671391365

Buku ini mengandungi himpunan 28 catatan pengalaman para perantau tanah air di Negara Ratu, United Kingdom. Dihiasi dengan pelbagai cerita pahit, manis, menakutkan, inspiratif, sedih yang membawa pembaca meneroka dan mengenali dengan lebih dekat negara yang dikatakan merupakan negara yang mempunyai satu peradaban moden terbaik dunia.

Masyarakat sering disogokkan dengan gambaran-gambaran klise pelajar-pelajar luar negara yang indah-indah sahaja namun hanya segelintir sahaja yang benar-benar mengetahui pengalaman sebenar mereka menempuh perubahan-perubahan dalam hidup demi merealisasikan tanggungjawab sebagai duta kepada negara. Sememangnya tanggungjawab yang digalas bukan sekadar memperoleh kejayaan akademik sahaja namun akhlak dan pembawakan diri sebagai masyarakat nusantara yang terkenal dengan kelembutan pertuturan dan nilai budi bahasa yang tinggi merupakan satu manifestasi

kemajuan ketamadunan bangsa Malaysia.

Daripada koleksi karya di dalam naskah ini pembaca dibawa untuk melihat bagaimana jati diri ketimuran pelajar yang sungguh kuat dan mereka tidak tunduk dengan arus kebudayaan barat apabila berlakunya pertembungan budaya. Tanpa sedar, pelajar nusantara lebih memilih untuk mempelajari budaya asing untuk kemajuan diri sendiri disamping masih mengekalkan budaya nusantara untuk menyesuaikan diri daripada terus menyerah kalah dengan budaya asing. Antologi ini mengupas aspek-aspek perbezaan budaya melalui kepelbagaian tema yang dipilih. Tema-tema seperti penyesuaian diri dari segi bahasa, penyertaan dalam aktiviti sosial, dugaan-dugaan dalam mengerjakan aktiviti rutin harian dan sebagainya antara perkara menarik yang terkandung dalam naskhah ini.

Secara peribadi, kalkulator pink memberi kesan mendalam meskipun coretannya ringkas dan bersahaja. Ms Lily mengajak pembaca agar tidak memandang rendah orang lain. Penulis ralat dengan sikapnya sendiri yang melabel tukang cuci sebagai pekerjaan kelas rendah akhirnya tersedar apabila mendapat tahu bahawa tukang cuci tersebut adalah siswazah PhD yang mencuci masjid setiap hujung minggu tanpa mendapat sebarang upah. Langkah baiknya jika pemikiran sebegini boleh dibawa pulang ke Malaysia dimana kerja sebagai tukang cuci tidak dipandang hina tapi masyarakat berebut-rebut untuk melakukannya tidak kira status mereka. Selain itu, Aishah Madadiy, catatan dari Perpustakaan Maughan berpotensi untuk dikembangkan sebagai satu karya tersendiri. Jika itu dapat direalisasikan saya akan menjadi pembaca terawal karya beliau.

Usaha-usaha memupuk pemikiran terbuka mengenai budaya timur dan barat seperti antologi ini perlu diperbanyak lagi di masa hadapan bagi meneliti perkembangan budaya kepada yang lebih baik. Walau bagaimanapun, kebanyakkan penulisan berlatar belakangkan Manchester. Mungkin lebih banyak warna-warni pengalaman hidup yang dapat diterjemah jika latar belakang penulis dipelbagaikan. Karya ini sesuai dijadikan pembacaan kepada mereka yang bercita-cita ingin melanjutkan pelajaran ke Bumi Ratu untuk lebih mengenali realiti yang perlu ditempuh oleh pelajar di sana sangat mencabar. Apabila kita berada di perantauan barulah kita sedar bahawa negara kita adalah lebih baik berbanding negara orang. Bak kata pepatah ‘hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri’.

Pengulas:

Rabiah Binti Mohd Ali

Penolong Pengarah


Unit Koleksi Khas

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ZAHRAH YUNOS

**Projek Bibliofil: Melawan Mitos Bangsa Malas
Membaca**

Ulu Tiram, Johor: ZAHRAH BINTI MD YUNOS, 2018.
ISBN 9789671588703

Buku ini mengandungi sepuluh bab yang terdiri daripada maklumat untuk dibaca dan bahagian interaktif untuk dijawab atau diisi. Enam bab pertama lebih tertumpu kepada topik untuk menjadi pembaca dan pencinta buku. Bab ketujuh, kelapan dan kesembilan pula menunjukkan hubung kait antara buku dan beberapa aspek kehidupan kita sebagai manusia.

Penulis berpendapat bahawa membaca adalah sebagai kelebihan seseorang. Anggapan tentang kelebihan ini boleh dibahagikan kepada dua; iaitu kelebihan sejak lahir dan kelebihan keluarga dan persekitaran. Kelebihan sejak lahir adalah seperti bakat menyanyi atau berlakon, membaca juga adalah bakat yang mana tidak semua orang dilahirkan dengannya. Jika dilihat penyanyi dan pelakon perlu dilatih untuk mengasah bakatnya, membaca juga perlu dipupuk tanpa mengira usia. Manakala kelebihan keluarga dan

persekitaran membaca mampu mempengaruhi seseorang untuk minat membaca semenjak kecil.

Persepsi yang baik terhadap membaca boleh mempengaruhi kita untuk melakukannya. Penulis menyatakan masyarakat tidak akan meletakkan aktiviti membaca sebagai keutamaan jika tidak melihat membaca sebagai sesuatu yang penting. Penulis cuba menyedarkan kita masyarakat Malaysia sebenarnya bukan malas membaca tetapi hanya kurang kesedaran untuk membaca. Tempat, masa dan keadaan juga boleh menjadi faktor yang mempengaruhi aktiviti membaca seseorang. Aktiviti membaca boleh disekat sekiranya ada sekatan atau "*readers block*". Keadaan ini dikaitkan dengan kehilangan fokus dalam melakukan aktiviti membaca. Antara sebab terjadinya perkara ini adalah terlalu sibuk dengan kerja harian yang menyebabkan stres. Pembaca boleh mencuba beberapa tips untuk menangani masalah *reader's block* termasuk segeralah bertukar kepada buku lain jika buku yang sedang dibaca tidak menarik dan pembacaan menjadi sangat perlahan, pilih buku yang nipis dan mudah dibaca serta genre kegemaran, melawat kedai buku atau perpustakaan, serta kumpulan buku dan menyelesaikan segala urusan yang membolehkan diri kita terlalu sibuk.

Seterusnya penulis menyarankan bagi seseorang pembaca yang baru bermula membaca untuk memilih genre yang ringan bagi mengekalkan momentum membaca. Buku malar segar juga boleh dipilih untuk dijadikan bahan membaca. Buku malar segar adalah buku yang berterusan dibaca selepas melepassi zaman penulisnya, contohnya buku-buku kritikan sosial oleh pendeta Za'ba. Kita juga disarankan untuk membaca dahulu ulasan buku dalam pelbagai sumber seperti *Amazon*. Dengan membaca ulasan buku, kita boleh menilai buku tersebut sesuai atau tidak untuk dijadikan bahan pembacaan. Buku adaptasi filem juga sesuai untuk dijadikan bahan bacaan bagi peminat filem, drama atau rancangan televisyen kerana buku-buku tersebut mendatangkan keseronokan tersendiri.

Apa yang menarik tentang buku ini adalah, penulis berjaya mengaitkan kesibukan aktiviti harian dengan membaca. Kesibukan bekerja, belajar, menguruskan keluarga, dan melayani media sosial menjadi alasan untuk tidak membaca. Pengurusan masa yang betul adalah sangat penting. Kenal pasti waktu yang sangat sesuai di dalam kesibukan harian untuk membaca buku. Pengarang menyarankan beberapa jalan penyelesaian bagi

mengatasi kesibukan yang dinyatakan.

Penulis turut merumuskan bahawa pengwujudan sudut bacaan yang selesa di rumah boleh memupuk minat membaca dalam keluarga. Membaca di tempat yang senyap dapat membantu kita untuk fokus membaca. Melakukan aktiviti membaca di tempat-tempat yang sesuai lebih seronok disamping menyertai kumpulan, kelab atau komuniti buku. Ini kerana seseorang itu akan mendapat sokongan dan rasa kebersamaan yang mendorong kita untuk terus melakukan aktivit membaca. Melalui aktiviti kumpulan buku, kita disarankan dapat berkongsi tentang buku yang dibaca, mengulas buku, berkongsi tip-tip membaca, membaca buku yang sama beramai-ramai, dan bertukar-tukar buku.


Oleh itu, buku ini sangat sesuai untuk dijadikan sebagai pembakar semangat dan panduan dalam memupuk aktiviti membaca. Inilah masanya untuk memupuk diri supaya mengamalkan budaya bangsa-bangsa yang maju dan berilmu di seluruh dunia. Bersama-sama kita menjadi bangsa yang membaca, kerana itulah permulaan kepada ilmu.

Pengulas:

Muhammad Hisyamuddin Bin Mohammed Noor
Penolong Pengarah
Bahagian Pembinaan Koleksi
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



HADI FAYYAD
Semusim Di Mahsyar
Seberang Perai, Pulau Pinang: Iqes Tijarah Trading, 2018.
ISBN: 9789671427620

Penulis telah menghasilkan beberapa karya novel thriller mengenai kematian. Ini merupakan hasil buah tangan ke 6 penulis. Mengisahkan Iqlima yang dikebumikan selama 5 hari berturut-turut dengan satu jasad misteri. Kematianya berpunca dari kegagalan proses pembedahan jantung berlubang yang dihidapinya. Doktor mengesahkan kematianya, lalu jenazahnya melalui proses pengembumian seperti biasa. Naluri kuat hati seorang ayah, dititipkan Allah melalui mimpi aneh. Anak gadisnya dilihat berjalan pulang kerumah dengan balutan kain kapan yang dipenuhi darah, nanah dan tanah. Hanya satu perkataan yang disebutnya " Ayah, iqlima tak mati lagi... selamatkan saya ayah". Apakah mesej yang ingin disampaikan disebalik mimpi tersebut. Apakah yang akan dilakukan oleh seorang ayah. Semusim Di Mahsyar sebuah rentetan sejarah peradaban. Dipaut Allah buat insan yang terpilih, merasai dan melalui kematian yang tidak lagi mampu digambarkan.

SINOPSIS BUKU




Buku ini dihasilkan oleh sekumpulan para doktor bagi membantu individu membuat keputusan kesihatan berdasarkan maklumat yang tepat bukan lagi bersandarkan mitos dan auta. Buku ini merupakan sebuah buku untuk memerangi kejahilan akibat mitos dan dakyah yang tersebar mengenai perubatan. Beberapa pakar perubatan menjawab beberapa persoalan dan ketaksuban pada teori tanpa asas yang entah datang dari mana hala tuju. Buku ini adalah strategi penangkis musuh kebenaran yang perlu difahami satu persatu. Sesuai untuk dijadikan bahan bacaan bagi meruntuhkan tembok kebebalan dengan ilmu.

Perang Melawan Mitos
Ampang, Selangor: White Coat
Enterprise, 2018.
ISBN: 9789671495612

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



DR DZULKEFLY AHMAD
Najibnomics: Rahmat atau
Malapetaka
Petaling Jaya, Selangor:
Ilhambooks, 2016.
ISBN: 9789672007050

Penulis berbekalkan pengalamannya bertarung di Parlimen dan juga sebagai ketua sebuah badan pemikir mengulas secara kualitatif kemampuan polisi-polisi yang diperkenalkan oleh Najibnomics berdasarkan realiti yang berlaku di dalam Malaysia. Kupasan dan tafsirannya sesuai diamati untuk memberikan penghakiman kepada kejayaan atau kegagalan Najibnomics. Penulis menggunakan kaedah penulisan berbentuk mikro dan juga makro, telah berjaya mendedahkan kepada rakyat dengan terperinci, berbagai kepincangan amalan puak pemerintah seperti kronisme, pembaziran dan ketirisan.

SINOPSIS BUKU



Kenapa ada manusia dalam syurga dan kenapa ada manusia dalam neraka dan kenapa pula wujudnya neraka? Kenapa tidak semua manusia masuk ke dalam syurga? Biarkan sahaja neraka itu kosong, tiada penghuni begitu sahaja. Mengapa Allah tidak jadikan semua manusia ke dalam syurga dan tidak perlu lagi diciptakan neraka. Siapa sahaja yang membaca buku ini pasti akan tersentuh hati untuk berubah kearah kebaikan.

AIMAN BANNA
Rejuvenasi Hati
Pulau Pinang: Aqada Group
Publishing, 2017.
ISBN:9789671475386

SINOPSIS BUKU



NORLIZA ABU BAKAR
Buat Duit Dengan Dropship
Batu Caves, Selangor: PTS
Publishing House, 2016.
ISBN: 9789674118228

Ramai orang yang berhasrat untuk menceburi bidang perniagaan, namun hasrat itu terhenti apabila memikirkan tentang modal. Benarkah perniagaan memerlukan modal yang besar, sekiranya tiada modal dalam tangan bagaimana untuk memulakan perniagaan. Sebenarnya kita mampu menjana pendapatan dengan perniagaan walaupun tanpa modal. Buku ini memfokuskan tentang bagaimana kita dapat memperoleh pendapatan tanpa mengeluarkan sebarang modal. Antara topik yang dibincangkan dalam buku ini termasuklah kelebihan dan kekurangan dropship. Bagaimana sistem dropship beroperasi serta bagaimana memilih produk yang mahu dijual. Cabaran utama dropship adalah mampukah perniagaan tersebut bertahan lama? Adakah pendapatan yang diperoleh benar-benar lumayan atau hanya sekadar indah khabar dari rupa. Buku ini mampu memberi pencerahan kepada pembaca terutamanya yang sedang berkira-kira untuk memulakan perniagaan secara dropship.

SINOPSIS BUKU



MAZLI BIDU
Buat duit dengan uber
PTS Publishing House, 2016.
ISBN: 9789674118204

Hari ni ada pelbagai cara yang dapat dilakukan untuk menjana pendapatan. Selama ini, kita menganggap kereta yang dimiliki adalah satu bentuk liabiliti yang tidak mampu memberi sebarang pulangan. Namun, muthakhir ini, kereta juga mampu menjana pendapatan. Buku ini memfokuskan bagaimana kita mampu menjana pendapatan dengan menawarkan servis pengangkutan kepada orang lain. Antara topik yang dibincangkan adalah seperti syarat-syarat pendaftaran menjadi sebahagian daripada Uber. Selain itu, beberapa topik turut disentuh seperti keselamatan penumpang serta pemandu uber dan cabaran pemandu uber dan pemandu taxi konvensional. Buku ini mampu memberi pencerahan kepada pembaca terutamanya yang sedang berkira-kira untuk memulakan menjana pendapatan dengan uber.

SINOPSIS BUKU




MILIZA GHAZALI
**Buat Duit Dengan Facebook
dan Instragram**
Batu Caves, Selangor: PTS
Publishing House, 2016.
ISBN: 9789674118211

Media sosial seperti facebook dan Instagram kini bukan lagi sekadar medan berkongsi pendapat, video tular, serta gambar semata-mata, tetapi medium ini boleh dijadikan sebagai lubuk pendapatan. Sekiranya benar pada caranya, medium ini mampu memberikan hasil yang lumayan kepada sesiapa sahaja yang bijak menggunakan medium ini. Persoalannya adalah bagaimana? Buku ini memfokuskan tentang bagaimana kita dapat menjana pendapatan dengan menggunakan platform ini sebaiknya. Antara topik yang dibincangkan dalam buku ini adalah termasuk asas perniagaan internet, sasaran pasaran, modal, pendaftaran perniagaan, strategi meningkatkan followers dan likes. Potensi perniagaan melalui medium ini adalah amat besar memandangkan rata-rata penduduk di Malaysia malahan luar negara memiliki akaun facebook dan Instagram. Jadi, apa alasan untuk kita tidak mengambil peluang yang ada.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ABDULRAZZAQ ABDIL
MUHSIN AL-BADR
Fitnah: Kesan & Implikasi
Kuala Lumpur: ITBM, 2018.
ISBN: 9789674607753

Menyedari dunia hari ini sangat berbeza dengan kemunculan pelbagai teknologi yang serba canggih, maka masyarakat harus lebih berhati-hati. Hanya dengan sebuah percikan api kecil yang dinyalakan melalui angkara fitnah akhirnya satu negara hancur musnah. Hakikatnya fitnah perlu dibendung dan dihapuskan. Berlandaskan itu, Fathrul Bari Mat Jahya dan rakan-rakan bergandingan menterjemahkan karya Prof. Dr. AbdulRazzaq Abdil Muhsin Al-Badr ini bagi mengupas lanjut isu fitnah. Penulis menulis buku ini bagi menghuraikan lebih lanjut tentang bahaya dan implikasi fitnah kepada masyarakat dan negara. Dengan adanya buku ini diharap dapat menyuntik kesedaran rakyat Malaysia secara amnya terhadap bahaya fitnah dan kesannya kepada inividu, masyarakat dan negara.

SINOPSIS BUKU



ENDRI KURNIAWATI
**Kehidupan Kedua: Memoir
Penghidap Kanser**
Kuala Lumpur: ITBM, 2018.
ISBN: 9789674605940

Pengalaman perasaan dan gangguan jiwa antara cerita yang dikongsikan oleh penulis ketika menyiapkan naskah ini. Beliau adalah penghidap kanser. Penyakit yang sering dimomokkan sebagai monster kehidupan. Endri merupakan seorang wartawan yang taat kepada syariat Islam. Bagaimana kemudiannya dia menghadapi hari-hari penuh cabaran menderita hidup, menderita rohani dan jasmani sambil menghitung amalan ibadat yang lalu untuk menghadapi kematian yang bakal tiba dengan penuh ngeri dan tawakal. Kepada siapa dan ke mana segala harta benda yang dicari ingin diagihkan dan diwariskan sebelum kematian yang pasti itu menjadi kenyataan sedangkan dia tidak mempunyai zuriat kerana masih belum berumah tangga. Maka pembaca harus membaca buku ini sehingga ke helaian terakhir bagi memahami perasaan seorang pesakit kanser.

SINOPSIS BUKU




HARYATIE AB. RAHMAN
Berguru Pada Sejarah
Kuala Lumpur: ITBM, 2018.
ISBN: 9789674607746

Karya yang terkumpul dalam kumpulan puisi ini merupakan catatan-catatan kecil yang dimunculkan kembali setelah sekian lama seakan-akan terkurung di bawah tempurung kesibukan waktu. Ia merupakan getaran perasaan dan cetusan fikiran yang kembali mengocak upaya sensitiviti dan kreativiti diri pada waktu-waktu senggang tertentu, terusik oleh situasi semasa yang berlegar di persekitaran diri dan lingkungan masyarakat. Isu-isu bersifat kemanusiaan sejagat, perenungan diri, dunia sahsiah, bahasa, kerohanian, didaktik, cinta, konsep ilmu dan catatan perjalanan ke daerah-daerah tertentu, mendasari subjek yang cuba diungkapkan dalam kumpulan puisi kecil ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



**Deskripsi Mengenai Sabah
Daripada Pelbagai Perspektif :
Esei-esi Sumbangsih Untuk
Sabihah Osman**


Kuala Lumpur: ITBM, 2018.

ISBN: 9789674602888

Sabah bukan sahaja kaya dengan keindahan flora dan faunanya, tetapi juga kaya dengan kisah sejarahnya. Namun, dalam tempoh masa tertentu, kekayaan ini masih tidak mampu menarik minat para sarjana tempatan untuk datang melihat, mengkaji dan seterusnya menulis berkenaan Sabah sehingga penulis memecah tembok kekebalan dengan melakukan pengkajian berkaitan aspek politik dan sosial masyarakatnya. Perkara inilah yang menjadikan penulisan beliau sangat wajar dijadikan sebagai salah satu rujukan utama dalam pengkajian berkenaan Sabah. Justeru, wajar sekiranya seorang sarjana seperti beliau dikenang oleh generasi akan datang. Kehadiran buku ini dalam jagat ilmu tanah air telah memperkaya khazanah wacana ilmiah khususnya yang berkaitan dengan Sabah. Sesungguhnya selain sebagai mengenang jasa Profesor Emeritus Dr. Sabihah Osman, buku ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan yang berwibawa khususnya kepada pengkaji dan peminat sejarah tanah air.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ABDUL HADI MOHAMED,
AMINUDIN CHE AHMAD,
HAMID GHAZALI
Ibadah Untuk Pesakit :
Panduan dan Pedoman
Kuala Lumpur: ITMB,2018.
ISBN: 9789674607777

Konsep hospital mesra ibadah adalah satu konsep yang baru dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Konsep ini merupakan satu pendekatan bagi membantu pesakit dan perawat untuk lebih mendekati dan mengamalkan nilai murni dalam amalan kerja harian. Buku Ibadah Untuk Pesakit: Panduan dan Pedoman ini dihasilkan bagi memberikan garis panduan kepada perawat dalam membantu pesakit untuk beribadah semasa mereka berada di hospital terutama semasa di wad. Pendekatan buku ini tidak terhad hanya kepada perawat di hospital sahaja bahkan untuk semua perawat yang berurusan dengan pesakit di rumah jagaan orang tua, di rumah dan sebagainya. Diharapkan buku ini dapat dijadikan rujukan mudah untuk perawat dan pesakit bagi mengingkatkan mutu ibadah mereka walaupun semasa berada dalam kondisi tidak sihat.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



NIK HAZLINA NIK HUSSAIN
Kesihatan Wanita Pada Usia Emas : Kenyataan dan Harapan
Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2018.
ISBN: 9789674612351

Buku ini menghuraikan dengan lebih mendalam isu dan cabaran berkaitan peningkatan bilangan warga emas, terutamanya dalam kalangan kamu wanita iaitu di peringkat pramenopaus, menopaus dan pascamenopaus. Kupasan ini membolehkan kaum wanita memahami semua aspek kesihatan menjelang usia emas dan bersedia untuk mengambil langkah-langkah yang dapat meningkatkan taraf kesihatan mereka. Satu daripada tumpuan wanita di usia emas adalah untuk kekal sihat seboleh yang mungkin, kerana keadaan ini menentukan kebebasan dan kualiti hidup yang bermakna bagi seorang wanita apabila usia semakin meningkat. Buku ini ditujukan kepada semua kaum wanita di mana sahaja, tidak mengira usia, status atau bangsa. Kaum lelaki juga perlu membaca buku ini untuk lebih memahami perubahan yang berlaku dan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada isteri, ibu mahupun adik beradik wanita. Buku ini juga sesuai dijadikan rujukan buat pengamal perubatan, pelajar perubatan dan bacaan umum.

SINOPSIS BUKU




Perubatan Tradisional: Aplikasi Semasa

Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2018.
ISBN: 9789674611651

Buku ini mendokumentasi kearifan masyarakat tempatan Melayu yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan secara tradisional dengan menggunakan sumber asli mahupun melalui kaedah ruqyah. Selain itu, buku ini juga memaparkan perbandingan dan perbezaan amalan perubatan dalam kalangan masyarakat Melayu, Cina, India serta etnik Sabah. Kesemua makalah yang dimuatkan dalam buku ini mempunyai keistimewaan tersendiri serta mempunyai hubung kait yang sangat rapat antara satu sama lain. Kaedah perubatan tradisional yang dilakukan secara turun-temurun oleh sesuatu masyarakat biasanya menggunakan sumber alam semula jadi sebagai bahan pengubatan seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Buku ini juga sesuai digunakan untuk dibuat rujukan untuk para pelajar, penyelidik dan orang awam yang mempunyai minat dalam topik yang dipersembahkan.


SINOPSIS BUKU



NOOR AINI HUSSAIN,
MOHAMED RUSLI ABDULLAH
**Mengurus Keperluan Pesakit
Strok di Rumah**
Pulau Pinang : Penerbit Universiti
Sains Malaysia, 2017.
ISBN: 9789674611286

Amalan mengurus dan merawat ahli keluarga di rumah yang hilang keupayaan fizikal akibat strok adalah lazim dalam kalangan keluarga di Malaysia. Namun, masih ramai dalam kalangan masyarakat terutamanya perawat keluarga yang kurang arif dan tidak mempunyai pengetahuan tentang tatacara mengurus dan merawat pesakit di rumah selepas mereka dibenarkan keluar dari hospital. Maklumat dan panduan tentang mengurus dan merawat ahli keluarga yang sakit di rumah perlu di kitengahkan untuk bacaan umum terutama mereka yang terlibat dalam permasalahan ini. Buku ini mengandungi 5 bab yang menghuraikan lebih lanjut mengenai strok dalam perspektif Islam, menghuraikan proses kejadian strok, klasifikasi dan faktor strok serta kesan strok terhadap pesakit. Seterusnya bab dalam buku ini menjelaskan panduan bergambar untuk membantu pesakit melakukan aktiviti rutin harian asas. Buku ini sangat memberi impak kepada mereka yang mempunyai masalah menguruskan pesakit strok di rumah.


SINOPSIS BUKU



Pseudoscience: Watch 2
Bangi, Selangor: Simptomatik
Press, 2017.
ISBN: 9789672011668

Para pemegang PhD palsu berani menyerang dan menyamun orang awam yang melawan atau mendedahkan mereka. Berani menubuhkan persatuan dan majlis mereka sendiri. Berani menjadi kolumnis mereka sendiri. Berani menjadi kolumnis akhbar di segmen kesihatan. Berani bekerjasama dengan badan-badan yang berautoriti dan menandatangani MOU dengan mereka. Berani mengadakan seminar dan menyebar ilmu sains palsu. Berani mendiagnosis pesakit kronik sehingga pesakit kronik tidak lagi mendapatkan rawatan yang sepatutnya. Apa yang paling menyedihkan mereka memperjudikan nyawa orang awam dengan barang sains palsu tanpa takut langsung dengan undang-undang. Mereka ada di mana-mana. Di kaca televisyen, di radio, di akhbar di majlis-majlis keraian. Mereka menerbitkan buku motivasi buku kesihatan, menjadi selebriti televisyen dan radio dan menjadi ikutan ramai. Buku ini membongkor segalanya tentang mereka.

SINOPSIS BUKU




NORZILA ZAKARIA, MOHD
NOOR MAMAT
**7 Tip Komunikasi dengan
Kanak-Kanak**

Pulau Pinang : Penerbit Universiti
Sains Malaysia, 2018.
ISBN 978-967-461-216-0

Buku ini menghuraikan teori penting dalam memahami teknik untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak. Ia memberikan penerangan yang ringkas dan tip-tip mudah yang boleh dipraktikkan. Penulis juga memberi perkongsian kisah komunikasi sebenar beliau dan anak-anaknya serta analisa kesilapan komunikasi yang ditulis seperti cerpen. Buku ini sesuai untuk bacaan umum, guru-guru dan ibu bapa yang mempunyai masalah berkomunikasi dengan kanak-kanak atau yang mahu mempelajari teknik komunikasi efektif dengan anak-anak dalam pelbagai peringkat umur. Buku komunikasi yang berada di pasaran kebanyakannya adalah dalam bahasa Inggeris dan diolah dalam gaya bahasa yang mudah dan kisah komunikasi diceritakan dalam bentuk seperti cerpen untuk memudahkan pemahaman. Ia dapat menarik perhatian pembaca yang sedang mencari teknik komunikasi yang efektif dengan kanak-kanak.

SINOPSIS BUKU




NORZILA ZAKARIA,
**Kompilasi Kisah Masalah
Pembelajaran**

Pulau Pinang : Penerbit
Universiti Sains Malaysia, 2018.
ISBN: 9789674612153

Buku ini adalah kompilasi kisah yang pernah dimuatkan di blog penulis. Ia menghimpunkan pendapat penulis tentang sistem pendidikan di Malaysia terutamanya berkaitan pendidikan pelajar berkeperluan khas dan pendidikan inklusif. Penulis juga berkongsi tentang kisah pelajar-pelajar yang pernah menjadi klien beliau serta kajian yang telah beliau jalankan untuk menangani permasalahan pelajar-pelajar ini secara holistik. Penulis menekankan tentang penyiasatan sosial yang menjadi kekuatan dan punca kejayaan menangani kes-kes pelajar yang dirujukkan ke klinik psikiatri. Ia dapat membuka minda para guru, ibu bapa dan masyarakat tentang isu pembelajaran yang kelihatan remeh tetapi memberi impak yang besar kepada pelajar yang mengalaminya. Mereka perlu dibantu dari semua sudut untuk terus berjaya. Buku ini diolah dalam bentuk bahasa yang mudah difahami. Ia sesuai dijadikan bacaan santai untuk ibu bapa dan guru-guru di peringkat sekolah, prasekolah dan juga bakal-bakal guru yang sedang menuntut di institusi perguruan.

SINOPSIS BUKU




HADI FAYYADH
Mengintai Aku di Neraka
Seberang Perai, Pulau Pinang: Iqes Tijarah Trading, 2018.
ISBN: 9789671427637

Penulis telah menghasilkan beberapa karya novel thriller mengenai kematian. Ini merupakan hasil buah tangan ke 7 penulis. Mengisahkan Aleya Qistina yang ingin membunuh diri sebagai protes terhadap cintanya yang gagal. Namun sesuatu terjadi sehingga beliau tidak berjaya untuk membunuh diri. Beliau lalu mengambil keputusan untuk murtad daripada agama Islam dan mulai kehidupannya persis kehidupan orang Barat. Dia menjadikan diskò dan kelab malam sebagai kiblat baginya. Ada perkara yang menyebabkan Aleya Qistina tersedar dari mimpi. Buah tangan Hadi FAYYADH penuh dengan elemen mendebarkan serta penuh dengan iktibar. Cerita penuh dengan petikan-petikan ayat al-quran mengisahkan apa yang terjadi kepada Aleya Qistina. Buku ini sangat memberi kesan dan memberi pedoman kepada sesiapa sahaja yang membacanya.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



WAN NONG MUZAFAR
Kuasai Perniagaan Internet 3
Shah Alam, Selangor: Grup Buku
Karangkraf, 2018.
ISBN: 9789678608305

Dunia keusahawanan merupakan sebuah dunia yang sangat kompetitif. Ditambah pula dengan kewujudan teknologi dunia digital seperti media sosial, telah membuka pintu ke dunia keusahawanan dengan lebih luas sehingga sesiapa sahaja boleh menceburি bidang tersebut. Persoalannya, sebagai seorang usahawan adakah anda telah bersedia untuk menghadapi situasi ini. Buku kuasai Perniagaan Internet 3 memfokuskan kepada pengurusan perniagaan yang sistematik agar usahawan dapat bertahan dalam jangka masa yang panjang, dengan merangka strategi perniagaan secara menyeluruh. Melalui buku ini, anda akan didedahkan kepada komponen strategi dan pengurusan kewangan bagi tujuan memantapkan lagi perniagaan. Antara topik yang didedahkan adalah seperti kaedah menganalisa kewangan perniagaan, kaedah menguruskan perniagaan, kaedah pengumpulan dan pengurusan pangkalan data, pendekatan copywriting yang efektif dan apps untuk perniagaan.


SINOPSIS BUKU



SHAMSUL RAMLI, MOHD AZMEN, AMLI GHAZALI & JIHA SHUIB
Catatan Bekas Perokok : Rokok Terakhir Didalam Asbak
Terengganu: Kata-Pilar, 2017.
ISBN: 9789672014164

Hampir separuh daripada jejaka Malaysia melakukan rutin ini. Sedut, hembus, sedut, hembus, batuk. Ia industri mengeyangkan kapitalis tetapi membawa sejuta musibah dan masalah kepada manusia. Umpama menanam sezambak ros di atas nisan orang lain. Sesiapa sahaja politikus, agamawan, genius termasuklah gelandangan dan orang merempat turut terkena tempias keseronokkan aktiviti ini. Rokok terakhir di dalam asbak merupakan hembusan pengalaman empat orang bekas perokok, *fighter* dan seterusnya menjadi *survivor*. Ia pertarungan antara kesedaran dan keinginan, rasional dan ketagihan, harapan dan putus asa. Berhenti merokok adalah sesuatu yang amat sukar tetapi ia nya tidak mustahil. Ikutilah, bacalah dan selamilah bagaimana empat survivor ini berkongsi rahsia keadaan mereka yang ingin berhenti daripada sedut, hembus, sedut, hembus batuk dan sedut lagi.


SINOPSIS BUKU



SURESH KUMAR N VELLYMALAY
Menzahirkan Anak Bijak Bestari
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan
Pustaka, 2018.
ISBN: 9789834618339

Buku ini memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca tentang keperluan hubungan yang positif antara ibu bapa dengan anak dalam usaha menyokong pendidikan mereka pada tahap-tahap tertentu dalam perkembangan anak-anak. Berjaya atau tidak seseorang anak dalam keluarga amat bergantung pada asuhan, didikan dan strategi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka sendiri. Hakikatnya, peranan dan tanggungjawab ibu bapa amat penting dalam menzahirkan anak yang bijak bestari. Dengan itu, adakah anda bersedia untuk merealisasikan impian dan aspirasi ini. Buku ini boleh dijadikan panduan kepada ibu bapa untuk mengasuh dan mendidik anak, terutamanya anak-anak yang berada di bangku persekolahan bagi menzahirkan anak yang bijak bestari. Buku ini amat berfaedah kepada ibu bapa memandangkan idea-idea yang dicetuskan oleh penulis merupakan input dan maklumat yang diperoleh daripada pengalaman penyelidikan dan analisa kandungan yang dilakukan oleh penulis.

SINOPSIS BUKU




FARHANA MOHAMAD SUHAIMI
& ASMAK AB RAHMAN
**Wakaf Tunai Dalam
Pembangunan Ekonomi
Masyarakat Islam**
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
Dan Pustaka, 2017.
ISBN: 9789834901080

Buku ini membincangkan secara mendalam tentang wakaf tunai yang mula mendapat tempat dalam masyarakat Islam. Wakaf tunai merupakan satu daripada sumber langsung kepada projek kemasyarakatan dan pembangunan harta wakaf. Buku ini juga menghuraikan konsep, kepelbagaiannya kaedah pelaksanaan dan sumbangan wakaf tunai dalam masyarakat di negara terpilih bagi menggilap potensi wakaf tunai sedia ada. Turut dibincangkan tentang perkembangan semasa wakaf tunai negeri-negeri di Malaysia. Selain memaparkan usaha penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memaksimakan sumbangan wakaf tunai dalam masyarakat. Ahli akademik, penyelidik, pentadbir dan pemegang amanah wakaf serta masyarakat umum boleh menjadikan buku ini sebagai rujukan kerana memuatkan maklumat yang berguna dengan gaya bahasa yang mudah. Penerbitan buku ini boleh menjadi pemangkin kepada masyarakat untuk memahami secara terperinci tentang wakaf tunai yang berkonsepkan sedekah jariah dan mengamalkannya sebagai budaya dalam masyarakat Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




AHMAD TERMIZI ABDULLAH
**Pengurusan & Pembahagian
Harta Pusaka di Malaysia**
Bandar Baru Bangi, Selangor: Carfi
Integrated Sdn. Bhd., 2017.
ISBN: 9789671544204

Buku ini memberikan pengetahuan yang berguna tentang pengurusan dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia. Ia menghuraikan tentang pengurusan harta pusaka orang Islam dari aspek perundangan negara. Dengan memahami aspek undang-undang ini, secara tidak langsung para pembaca dapat memahami tentang peranan institusi-institusi yang terlibat dalam pengurusan harta pusaka umat Islam seperti mahkamah syariah, mahkamah tinggi, unit pembahagian harta pusaka kecil, Amanah Raya Berhad dan syarikat pemegang amanah yang terdapat di negara kita. Buku ini turut memberi penerangan asas tentang ilmu faraid iaitu ilmu pembahagiaan harta pusaka dalam Islam. Beberapa contoh pengiraan faraid, dan isu perbezaan pandangan ulama tentang kaedah pengiraan faraid turut dibincangkan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




PENGARANG . PEMIMPIN . PENDAKWAH

**ABDUL LATIP TALIB
Ashaari Muhamad**

Kuala Klawang, Negeri Sembilan:
Abdul Latip Talib., 2017.
ISBN: 9789671460603

Siapa yang tidak mengenali Ashaari Muhammad. Beliau merupakan pengasas pertubuhan Al-Arqam yang berpusat di Perkampungan Sungai Penchala, Damansara. Beliau dianggap sebagai pemimpin Islam yang hebat kerana dapat mengumpul ramai pengikut dari tahun 1968 hingga 1994. Pada kemuncaknya, beliau dilaporkan memimpin seramai 10,000 pengikut dan menjalankan banyak perniagaan. Al-Arqam diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada Ogos 1994 kerana fahaman Aurad Muhammadiah. Berikutan itu, beliau ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri sebelum ditahan mengikut Akta Sekatan Kediaman Terhad di Rawang. Penulis Abdul Latip Talib telah menceritakan semula kisah riwayat hidup Ashaari Muhammad secara penulisan novel. Ianya membuatkan pembaca mudah untuk memahami kronologi sejarah hidup pemimpin agama ini.


SINOPSIS BUKU



IBNU RIJAL
Segelas 'Asir di Muara Nil
Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd., 2017.
ISBN: 9789678608039

Segelas 'Asir di Muara Nil adalah catatan tentang perjalanan penulis ke Bumi Mesir, sebuah tamadun tertua di dunia dan sebuah negara yang namanya paling banyak diceritakan dalam al-quran. Sungguh, Mesir bukan negara biasa seperti mana aliran Sungai Nil yang tidak berpenghujung, begitulah cerita Mesir yang mencatatkan pelbagai kisah dalam lembaran sejarah. Mesir ibarat ibu negara dunia yang menyimpan binaan-binaan misteri, kota-kota purba yang mengharukan kepala, serta tinggalan sejarah yang semuanya memberi impak dan membentuk siapa dunia hari ini. Kalau lahir bumi kinaah ini mampu membuka mulut pasti sudah diceritakan tentang kisah Yusuf dibawa masuk dan kisah Musa berlari keluar. Di dalam buku ini penulis telah merungkai iktibar daripada binaan tinggi dan segala tragedi agar diakhir bacaan nanti pembaca akan mendapatkan bahawa segala tinggalan khazanah di Mesir bukanlah sekadar bahan gambar sebaliknya ia adalah bahan iktibar.

SINOPSIS BUKU




SHAMSUDDIN KADIR
Cash Flow Untuk Lelaki: Poket Bocor Tetapi Penuh
Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2017.
ISBN: 9789830976747

Buku ini dikhurasukan untuk para lelaki yang merupakan ketua dalam sebuah keluarga. Besar tanggungjawab lelaki bahkan di dalam Islam sudah menetapkan lelaki perlu menyediakan nafkah zahir seperti rumah, pakaian dan makanan kepada keluarganya. Sekiranya bercerai sekalipun suami tetap mempunyai tanggungjawab untuk tempoh tertentu untuk bekas isterinya dan mempunyai tanggungjawab menanggung nafkah ke atas anak-anaknya. Justeru, buku ini memberi panduan dalam pengurusan kewangan yang lebih efektif agar perancangan ekonomi keluarga lebih teratur dan terancang. Penulis berharap diakhirnya nanti dapat membuka mata pembaca 100 peratus terhadap kecekapan menguruskan kewangan yang mana melalui sistem sampul surat, setiap sen dibuat dan dibayar mengikut kerpeluan wajib bayar dan mengurangkan perbelanjaan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



M.ZAIM
Syurga Pada Wajah Ibu
Batu Caves, Selangor: Ar-Risalah
Product Sdn. Bhd., 2017.
ISBN: 9789674480585

Ibu adalah individu paling dekat dengan manusia. Sejak manusia dilahirkan cinta ibu tidak dapat dihalang mahupun berkurangan. Ibu merupakan individu luar biasa serta menjadi inspirasi berbagai kisah hebat dan cerita luar biasa yang pernah mewarnai dunia. Sayangnya, sering kali kita mengabaikan ibu, mungkin kerana kekerapan kita bertemu dengan beliau di rumah. Melalui buku ini penulis berusaha mengumpulkan butiran permata yang berserakan dalam berbagai kisah dan cerita sepanjang zaman. Berbagai kisah inspirasi mengenai ibu dalam buku ini. Semoga dapat mengingatkan pembaca kembali mengenai jasa seorang ibu dengan perngorbanannya yang luar biasa. Mungkin selama ini kita sudah bosan dengan nasihatnya, Namun renungkanlah bahawa suatu masa kelak kita akan merindui celoteh ibu semasa sudah tiada. Tidak banyak yang dapat kita lakukan untuk membala jasanya kecuali sekadar berusaha mendoakan, mengasihi, menemani celoteh beliau semasa sudah tiada.

SINOPSIS BUKU




Menangani Masalah Remaja Autisme

Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2017.

ISBN: 9789673883356

Autisme suatu isu yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat. Kajian membuktikan bahawa dewasa ini berlaku peningkatan jumlah anak yang dilahirkan mengalami autisme. Anak-anak ialah insan istimewa yang dikurniakan oleh Allah kepada ibu bapanya. Namun sejak kebelakangan ini, isu seksualiti adalah isu utama yang dialami oleh anak autisme terutamanya apabila mereka melangkah ke usia remaja. Buku ini dihasilkan untuk membantu dan memberi panduan kepada ibu bapa, guru, masyarakat dalam menangani masalah perilaku seksual remaja autisme dari perspektif Islam. Buku ini membincangkan secara terperinci tentang kedudukan OKU menurut perspektif Islam, kaedah ibu bapa dalam mendidik anak-anak, konsep autisme serta dimuatkan juga tatacara didikan ibu bapa dalam menangani perilaku seksual remaja autisme. Harapannya agar buku ini mampu membantu ibu bapa, guru dan pihak yang berkaitan dalam memberikan didikan yang terbaik sekaligus membimbing anak autisme untuk melaksanakan ibadah mengikut syariat Islam yang telah ditetapkan oleh Allah sekadar termampu yang mereka lakukan.

SINOPSIS BUKU



ABDULLAH KHAIRI
1 Hari 1 Inspirasi
Batu Caves, Selangor: Ar-Risalah
Product Sdn. Bhd., 2017.
ISBN: 9789674480585

Ada orang beranggapan bahawa kekuatan atau kejayaan manusia bermula dari kekuatan fizikal. Menurut mereka kekuatan fizikal datangnya daripada badan yang sihat, cergas dan bertenaga. Maka, untuk tujuan itu ada orang yang memupuk kekuatan fizikal dengan memberi makanan yang berzat dan latihan yang bersistematik. Namun kadang-kadang hasilnya tidak menepati jangkaan juga. Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa kejayaan seseorang lahir daripada tiga kekuatan asas iaitu fizikal, mental dan spiritual. Gabungan daripada tiga kekuatan inilah yang melahirkan kekuatan luar biasa. Berdasarkan itu, penulis telah menulis buku 1 hari 1 inspirasi bagi menggerakkan tiga kekuatan ini secara teratur sehingga mampu menghasilkan sesuatu yang ada nilai dan makna dalam kehidupan di dunia ini lebih-lebih lagi di akhirat nanti. Semuanya bermula dengan inspirasi Antara banyak cara tersebut yang termudah adalah mengkaji yakni melalui pembacaan buku ataupun dokumen-dokumen yang berkaitan. Ini kerana inspirasi lebih mudah diperoleh dan dikembangkan daripada hasil kejayaan atau contoh teladan yang terhidang.